

18 APR 2003

Mahathir-Perubahan/I

SEKTOR AWAM DAN SWASTA PERLU UBAH MINDA, KATA MAHATHIR

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

PUTRAJAYA, 18 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa sektor awam dan swasta supaya tidak hanya bergantung kepada pakej rangsangan semata-mata tetapi perlu membuat perubahan strategik dalam cara mereka melaksanakan sesuatu kegiatan bagi memastikan pulangan ekonomi yang berterusan.

Katanya mereka perlu mula memikirkan untuk menyelesaikan masalah kepentingan mereka sendiri dan juga ekonomi negara.

Beliau mencadangkan industri Malaysia mempelbagai kegiatan mereka untuk memasukkan aktiviti baru sejajar dengan permintaan pasaran seperti mengkhususkan dalam Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) dan menggabungkan ekonomi berasaskan pengetahuan dalam proses-proses itu.

Dr Mahathir juga berkata rakyat Malaysia tidak sepatutnya memberi layanan buruk kepada pelabur-pelabur sebaliknya mestilah bersikap mesra sekiranya mereka merasakan pelaburan asing penting bagi pertumbuhan ekonomi negara.

"Bagi mencapai semua ini, persoalan utama yang perlu dijawab adalah 'adakah kita bersedia untuk berubah?'," katanya kepada Bernama dalam satu temubual di kediaman rasminya Seri Perdana di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata ramai pelabur dari Asia Barat mempunyai banyak dana yang boleh dilaburkan tetapi Malaysia perlu berusaha keras untuk menarik mereka melabur di sini terutama dalam bahagian-bahagian seperti Perbankan dan Produk Islam.

Beliau juga berkata syarikat-syarikat Malaysia tidak sepatutnya bergantung kepada kerajaan untuk menyelamatkan mereka.

-- BERNAMA

MR SM SD ZK